

Headline	Operasi Haji 1437H berjaya Jamil Khir		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	30	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,060



Ketika berdepan kenaikan kos haji tahun ini

Operasi Haji 1437H berjaya - Jamil Khir

Oleh **OMAR ZIN**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 NOV.

BERKAT sokongan pelbagai pihak terutamanya kerajaan, Operasi Haji 1437H dapat dilaksanakan dengan jayanya walaupun berhadapan dengan masalah kenaikan kos haji pada tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, jemaah haji Malaysia sangat bersyukur kerana sentiasa mendapat sokongan kerajaan yang begitu prihatin dengan kebajikan dan keselesaan sepanjang menjalankan ibadat haji.

"Ini belum mengambil kira jumlah subsidi haji yang ditanggung oleh Tabung Haji yang melebihi RM160 juta disebabkan kenaikan kos penginapan, pengangkutan, makan minum

dan lain-lain perkhidmatan demi keselesaan para jemaah.

"Pada masa yang sama, kecemerlangan Malaysia dalam pengurusan haji telah membuka mata orang ramai dan mendapat perhatian negara-negara luar dan ini memberi keyakinan kepada umat Islam bahawa hasil muafakat daripada kerajaan dan swasta pasti akan membuahkan hasil yang terbaik," katanya ketika berucap dalam Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji Musim 1437H/2016M di sini hari ini.

Yang turut hadir, Duta Arab Saudi di Malaysia, Datuk Fahad Abdullah Al-Rashid; Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri dan Pengarah Urusan Kumpulan dan

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah.

Kos sebenar bagi setiap jemaah haji tahun ini adalah RM18,890 namun dengan subsidi Tabung Haji sebanyak RM8,910 seorang,

maka kadar yang lama iaitu RM9,980 dapat dikekalkan.

Dalam majlis itu, sebanyak 31 jabatan, agensi kerajaan dan swasta termasuk Kedutaan Arab Saudi serta *Utusan Malaysia* diberi penghargaan atas kerjasama dalam menjayakan operasi haji di negara ini.

Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor mewakili *Utusan Malaysia* menerima cenderamata yang disampaikan oleh Jamil Khir.



JAMIL KHIR BAHAROM menyampaikan cenderamata kepada Hassan Mohd. Noor (kanan) sambil diperhatikan oleh Johan Abdullah dalam Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji Musim 1437H/2016M di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI